

26/11/2001

Ubat elak jangkitan HIV untuk mangsa rogol

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Mangsa rogol di negara ini akan diberikan ubat bagi mengelakkan mereka terdedah kepada jangkitan HIV/Aids, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Beliau berkata, langkah itu sudah dilaksanakan beberapa negara luar sejak beberapa tahun lalu dan didapati berkesan mencegah penyebaran HIV kepada mangsa rogol.

"Pada dasarnya, kita masih membuat kajian terperinci termasuk mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak untuk mendapat maklum balas terkini mengenai protokol yang harus kita buat, sebelum kita melaksanakannya.

"Kita akui ia memang sukar diwujudkan kerana perkara ini adalah isu baru dan di sini, kita dapati isu keganasan terhadap wanita masih terpinggir dan dianggap remeh oleh masyarakat," katanya selepas melancarkan Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Urusan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra), Ridza Abdoh Salleh, Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Ivy N Josiah dan Pengurus Levis Strauss (M) Sdn Bhd, Evelyn Tan.

Mengambil contoh negara luar, Marina berkata, apabila wanita dirogol, mereka akan diberi ubat HIV serta merta bagi mengelakkan mereka ini terdedah dengan jangkitan HIV. Ubat ini boleh mengawal supaya jangkitan itu berkurangan.

"Di beberapa negara luar yang kita kunjungi, kita dapati ada prosedur tertentu untuk membantu mangsa rogol daripada terdedah dengan jangkitan HIV dan kita dapati usaha itu berjaya.

Marina mengakui wanita yang menjadi mangsa rogol, lebih terdedah serta berisiko tinggi untuk menghidap HIV jika perogol itu dikesan mempunyai HIV. Walaupun statistik sebenar tidak diketahui namun berdasarkan pengalaman di negara luar kejadian seumpama itu memang berlaku dan jumlahnya memang ramai.

"Walaupun kita tidak mempunyai statistik mengenainya tetapi kita tahu jumlah wanita mangsa keganasan rogol ramai. Pemberian ubat ini boleh mengelakkan kemungkinan mangsa rogol itu dari dijangkiti HIV daripada perogol," katanya.

Katanya, HIV dan keganasan terhadap wanita saling berkait rapat. Justeru, semua pihak harus bertanggungjawab menyedar serta meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai isu berkenaan.

Pada majlis itu, WAO dengan kerjasama Putra melancarkan kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita bermula hari ini sehingga 10 Disember ini.

Pengarah Urusan Putra, Ridza Abdoh Salleh, berkata menjadi tanggungjawab Putra untuk membantu WAO dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai keganasan terhadap wanita.

Justeru, Putra membenarkan WAO mengedarkan risalah kempen di 15 stesen LRT Putra termasuk Kelana Jaya, Taman Jaya, Asia Jaya, Universiti, Bangsar, KL Sentral, Taman Jaya, Pasar Seni, Masjid Jamek, Kg Baru, KLCC, Ampang Park, Datuk Keramat, Jelatek, Setiawangsa dan Wangsa Maju pada hari ini dan 1 Disember sempena Hari Aids Sedunia.

"Dengan purata penumpang 150,000 sehari, kita yakin maklumat yang terkandung dalam kempen ini dapat disebar dengan meluas," katanya.

Pada majlis itu juga, Levis Strauss (M) Sdn Bhd yang diwakili Pengurusnya, Evelyn Tan menyumbangkan RM 57,760 kepada WAO bagi projek pendidikan manakala RM30,400 untuk dana institusi.

(END)